



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
(Ministry Of Energy, Science, Technology, Environment
and Climate Change)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



19 Mac 2019
Notis Pemberitahuan AELB
BIL. 02/2019

**PENAMATAN SIJIL PENGIKTIRAFAN BUNGKUSAN JENIS B(U) BAGI
PENGANGKUTAN BAHAN RADIOAKTIF**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304) supaya mendapatkan sijil pengiktirafan bungkusan Jenis B(U) terbaru bagi pengangkutan bahan radioaktif yang sebelum ini dihasilkan oleh Syarikat NTP Radioisotopes Europe di Belgium.

LATAR BELAKANG

2. Pada 14 Disember 2018, badan kawal selia penggunaan nuklear di Belgium, Federal Agency for Nuclear Control (FANCO), telah mengeluarkan notis berkenaan penamatan sijil pengiktirafan bungkusan Jenis B(U) bagi pengangkutan bahan radioaktif yang dihasilkan oleh Syarikat NTP Radioisotopes Europe di Belgium sebelum ini. Hal demikian adalah kerana QSA Global Inc. di Amerika Syarikat telah mengambil alih aset Syarikat NTP Radioisotopes Europe di Belgium pada 8 Mac 2018. Oleh itu, FANCO melalui notis tersebut memaklumkan bahawa FANCO tidak lagi merupakan pihak berkuasa yang kompeten untuk meluluskan sijil pengiktirafan bungkusan reka bentuk

yang berkaitan selepas tamat tempoh sah yang diberi sebelum ini. Antara model reka bentuk bungkusan yang bakal tamat tempoh sah pengiktirafan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Senarai Model Bungkusan Jenis B(U) yang Bakal Tamat Sah Tempoh

Bil.	Model Bungkusan	Sijil	Tarikh tamat sah tempoh
1.	GammaMat M10	B/95/B(U)-96 (Rev. 1.0)	31 Oktober 2019
2.	GammaMat M18	B/96/B(U)-96 (Rev. 1.0)	
3.	GammaMat TSI 3 & 3/1	B/89/B(U)-96 (Rev. 2.0)	
4.	GammaMat TSI 5 & 5/1	B/90/B(U)-96 (Rev. 2.0)	30 September 2019
5.	NE4C	B/59/B(U)-96 (Rev. 6.0)	30 November 2019
6.	G3	B/015/B(U)-96 (Rev. 10.0)	31 Mei 2022
7.	G4	B/013/B(U)-96 (Rev. 10.0)	
8.	G6	B/012/B(U)-96 (Rev. 12.0)	
9.	G8	B/010/B(U)-96 (Rev. 10.0)	
10.	G10	B/018/B(U)-96 (Rev. 8.0)	
11.	G21	B/020/B(U)-96 (Rev. 6.0)	

ARAHAN AELB

3. Dengan ini semua pemegang lesen yang berurusan dan memiliki bungkusan yang dinyatakan dalam Jadual 1 hendaklah dari semasa ke semasa mendapatkan sijil pengiktirafan bungkusan baharu daripada pihak pembekal, QSA Global Inc. yang telah mengambil alih aset Syarikat NTP Radioisotopes Europe di Belgium.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

4. Pemegang lesen hendaklah memastikan bungkusan Jenis B(U) bagi pengangkutan bahan radioaktif adalah diiktiraf dan dalam tempoh sah yang diluluskan oleh AELB.

PENUTUP

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Batu 24, Jalan Dengkil

43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my

Laman Web : www.aelb.gov.my